



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 6, Issue 10, October 2021

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocsciences.com

Elemen Etnomatematik dalam Pengajaran dan Pembelajaran: Kajian Literatur Bersistematik

Mohamad Agung Ariffaturrahman Zani¹, Siti Mistima Maat¹

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia

Correspondence: Siti Mistima Maat (sitimistima@ukm.edu.my)

Abstrak

Etnomatematik adalah satu upaya untuk menghubungkan Matematik kepada budaya sedia ada di dalam masyarakat. Etnomatematik yang mula diperkenalkan oleh Ubiratan D'Ambrosio pada tahun 1985 terus berkembang sehingga sekarang, penggunaan Etnomatematik dewasa ini terus berkembang manakala tidak ada upaya untuk mengembangkan kurikulum berbasis Etnomatematik. Masalah yang timbul ialah tidak ada suatu kurikulum yang khas bagi Etnomatematik, seterusnya elemen-elemen Matematik yang digunakan amat pelbagai. Sehingga tujuan dari kajian ini ialah untuk menerokai elemen-elemen Matematik yang digunakan dalam kajian-kajian empirikal sedia ada. Metodologi yang digunakan untuk mencapai tujuan dalam kajian ini ialah kajian literatur bersistematik. Kajian-kajian empirikal sedia ada daripada tahun 2010 sehingga 2020 dilakukan penyaringan secara bersistematik dengan kriteria yang telah ditetapkan. Sebanyak 40 kajian sedia ada dianalisis, selanjutnya dipisahkan berdasarkan tema yang timbul. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa dari 40 artikel yang dianalisis, sebanyak 30 artikel berasal daripada negara Indonesia, dan peningkatan penerbitan daripada tahun 2010 sehingga 2020 mengalami peningkatan mulai dari 2 penerbitan sehingga pada tahun 2020 ada 17 penerbitan selama satu tahun. Metodologi pada kajian-kajian empirikal sedia ada kebanyakannya menggunakan kaedah kualitatif sebanyak 43% dan R&D sebanyak 40%. Elemen Etnomatematik yang banyak digunakan ialah bangunan dengan aspek Matematik pengetahuan asas. Sehingga kedepannya pengkaji lain dan guru boleh menggunakan hasil kajian ini untuk mengembangkan kajian ataupun pengajaran di dalam bilik darjah.

Kata kunci: etnomatematik, pembelajaran dan pengajaran, matematik

Ethnomathematics Elements in Teaching and Learning: A Systematic Literature Review

Abstract

Ethnomathematics is an effort to connect Mathematics to the existing culture in society. Ethnomathematics, first introduced by Ubiratan D'Ambrosio in 1985, was widely used now. The use of Ethnomathematics today continues to grow while there is no effort to develop an Ethnomathematics based curriculum. The problem that arises is that there is no particular curriculum for Ethnomathematics; hence, the elements of Mathematics used are very diverse. So the purpose of this study is to explore the aspects of Mathematics used in existing empirical studies. The methodology used to achieve the objectives in this study is a systematic literature review. Existing empirical studies from 2010 to 2020 were systematically screened with purposely set criteria. A total of 40 existing studies were analyzed, further separated based on emerging themes. This study showed 40 articles analyzed, 30 articles are from Indonesia, and the increase in publications from 2010 to 2020 ascending

from 2 publications to 17 publications for one year. Methodology on existing empirical studies mostly uses qualitative methods by 43% and R&D by 40%. The most widely used Ethnomathematical element is building with Mathematical aspects of basic knowledge. In the future, other researchers and teachers can use the results of this study to develop research or teaching techniques in the classroom.

Keywords: ethnomathematics, learning and teaching, mathematics

Pengenalan

Dewasa ini perkembangan dalam segala aspek kehidupan sudah sangat pantas. Matematik menjadi salah satu bidang ilmu yang tidak luput daripada perkembangan itu sendiri. Matematik adalah bidang ilmu yang universal dan menjadi tonggak sains (Muhtadi et al., 2017). Sejarah menjadi saksi perkembangan peradaban manusia dari masa ke masa. Termasuk perkembangan ilmu yang digunakan manusia untuk kemudahan dalam kehidupan seharian. EtnoMatematik menjadi salah cara untuk mengenalkan Matematik yang dikaitkan dengan budaya (D'Ambrosio, 2020; Rosa et al., 2016). Akan tetapi adakah ia bersesuaian dengan perkembangan zaman?.

Menurut beberapa kajian yang telah dijalankan berkaitan dengan Etnomatematik, didapati bahawa Etnomatematik boleh dikaitkan dengan pembelajaran moden Acharya et al. (2021), impak yang baik juga didapati dimana Etnomatematik dijadikan alat pendekatan yang dilakukan pada komuniti di Nusa Tenggara Timur. Etnomatematik boleh mengurangkan kesan sukar dan abstrak kerana pembelajaran yang dekat dengan kehidupan persekitaran pelajar, boleh mengenal budaya tempatan dan menghargai budaya (Dominikus, 2019; Dominikus et al., 2020). Etnomatematik boleh menjadi bagian daripada pedagogi dan memberikan pembelajaran tentang budaya, dan memberikan impak kepada penguatan prosedur pedagogi etnis (Dyachkovskaya, 2019). Apa yang dapat disimpulkan menunjukkan bahawa Etnomatematik bersesuaian dengan perkembangan zaman. Selanjutnya banyak daripada kajian lepas yang dijalankan kepada budaya persekitaran, seperti Hasanuddin (2017) mengkaji Etnomatematik yang ada di budaya Melayu di Malaysia. Manakala Supiyati et al. (2019) mengkaji Etnomatematik di kalangan suku Sasak yang ada di Lombok, Indonesia. Masalah yang terlihat ialah bahawa Etnomatematik tidak mempunyai standard yang sama pada setiap pengajaran yang telah dijalankan. Tidak dapat dinafikan bahawa Etnomatematik ialah skop kajian yang relatif baharu (Rosa, 2020). Sehingga belum ada aturan yang baku mengatur tentang bagaimana Etnomatematik sepatutnya dijalankan. Masalah selanjutnya ialah tidak banyaknya kajian yang mengaitkan Etnomatematik sebagai pendekatan dalam pembelajaran. Terlihat daripada pencarian artikel jurnal yang sangat terhad, tidak seperti pendekatan lain yang banyak digunakan.

Sehingga seperti yang telah dijelaskan di atas, kajian ini dijalankan untuk mensintesis kajian empirikal yang berkaitan dengan Etnomatematik dalam pendidikan dengan tempoh kajian daripada tahun 2010 sehingga tahun 2020. Daripada tujuan ini menjadikan kajian ini mempunyai beberapa objektif di dalamnya iaitu; (1) Meninjau konsep pendekatan Etnomatematik yang digunakan dalam kajian empirikal. (2) Meneroka elemen-elemen penyelidikan empirikal berkaitan dengan Etnomatematik. Antara transformasi pendidikan yang digariskan oleh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) ialah Kementerian Pendidikan Malaysia berusaha ke arah melahirkan individu yang berkemahiran tinggi dan fleksibel seterusnya mampu menghasilkan modal insan yang inovatif, kreatif dan berdaya saing (Yusof et al., 2015). Pendekatan dilakukan dengan banyak cara di antaranya ialah Etnomatematik. Pembelajaran yang efektif boleh dicapai juga dengan pendekatan Etnomatematik (Wahyudin, 2018). Sehingga Etnomatematik juga mempunyai kepentingan dalam pendidikan Matematik terutamanya dalam mengaitkan persekitaran pelajar. Kajian ini dijalankan kepada empat bahagian. Dua bahagian awal ialah mengumpulkan dan melakukan analisis menggunakan metodologi yang bersesuaian untuk mengurangi bias terhadap kajian-kajian lepas yang bersesuaian dengan Etnomatematik di dalam pendidikan. Selanjutnya dua bahagian terakhir ialah diskusi dapatan daripada analisis tersebut dan menyimpulkan hasil kajian yang dilakukan. Terakhir memberikan cadangan kepada pengkaji selanjutnya.

Sorotan Literatur

Dimulai dari sejarah, perkembangan tamadun juga sejalan dengan perkembangan ilmu. Matematik juga menempati tempat yang sangat penting dari perkembangan tamadun yang ada di dunia. Kaabah sebagai bukti penggunaan Matematik dalam hal ini teori geometri. Kaabah menjadi tanda sejarah tamadun manusia dan Islam. Perkembangan tamadun di kawasan lain di seluruh dunia juga menyumbang hal yang sama seperti di unsur Matematik yang ada pada rumah adat di Indonesia, corak batik di Indonesia dan Malaysia (Sudirman et al., 2018) kesemuanya ternyata menggunakan unsur-unsur Matematik. Keadaan ini menambah pengetahuan bahawa apa yang kita pelajari di sekolah sebenarnya sudah ada di persekitaran kita dalam bentuk yang berbeza terutamanya Matematik yang identik dengan kemajuan teknologi bukan tradisional (Salleh, 2011).

Etnomatematik yang dikenalkan oleh D'Ambrosio pada tahun 1985 menjadi langkah yang baru dalam perkembangan Matematik dunia. Walaupun Matematik yang sedia ada di persekitaran tapi tidak begitu diunggulkan di dunia. Dalam kajiannya D'Ambrosio jauh melihat ke belakang sejak perkembangan yang diawali oleh Plato. Perkembangan yang dianggap menjadi apa yang kita kenal dengan pendidikan Matematik yang ada di sekolah setakat ini (D'Ambrosio, 2020). Lebih jauh lagi perkembangan Matematik timbul pada era yang disebut era kebangkitan (*Renaissance*). Di akhir sekali ada era baru pada abad ke-20 dimana Matematik yang ada telah berkembang dan disebut dengan Matematik akademik. Dan dari perkembangan era ini telah membuat formal Matematik dan melupakan bahawa pada asasnya perkara Matematik dibentuk formal berasal dari budaya sedia ada (D'Ambrosio, 2020; Rosa et al., 2016). Masalah yang timbul ialah bahawa tidak ada identifikasi kepada budaya itu sendiri dan inilah yang menjadi awal diperkenalkannya Etnomatematik oleh D'Ambrosio pada tahun 1985.

Selain daripada D'Ambrosio, ada nama Paulus Gerdes, Paulus Gerdes yang mengangkat isu daripada budaya dan Matematik (Barton, 1996). Dalam Paulus Gerdes banyak mengaitkan isu Etnomatematik kepada motivasi pendidikan. Rosa dan Orey (2015) memberikan pandangan bahawa budaya menjadi bagian yang kuat untuk memotivasikan pelajar dalam lingkungan komuniti. Manakala Nofikusumawati Peni (2019) memberikan pemahaman bahawa pelajar perlu untuk diberikan pengalaman yang nyata. Sehingga pelajar mempunyai motivasi tersendiri dalam belajar Matematik. Manakala jika Etnomatematik digunakan dalam pembelajaran Matematik akan membantu pelajar untuk menerokai pelbagai cara untuk menyelesaikan masalah Matematik yang diberikan bergantung kepada perspektif pelajar (Budiarto et al., 2019). Selanjutnya ada juga nama Marcia Ascher yang banyak menulis tentang pembelajaran Matematik (Ascher, 1991). Dalam bukunya yang paling berkaitan dengan Etnomatematik. Sekali dengan D'Ambrosio Marcia Ascher pernah menulis isu spesial tentang *For The Learning of Mathematics on mathematics education and culture*. Marcia Ascher lebih menekankan kepada idea dan minat kepada Matematik, cara berfikir dalam Matematik (Barton, 1996). Cara berfikir yang digunakan dalam pembelajaran Matematik mengikut kepada budaya persekitaran akan memberikan kesesuaian antara Matematik dan persekitaran (Fernandez & Fernandez, 2020).

Dalam memberikan pemahaman yang mendalam tentang Etnomatematik, metodologi seperti analisis proses dan difusi pengetahuan dibabitkan (Rosa et al., 2016) guna memberikan pemahaman yang mendalam. Ada beberapa konteks yang telah dikembangkan dalam Etnomatematik, iaitu kognitif, konsep, pendidikan, epistemologi, sejarah, dan politik (Rosa et al., 2017). Perkaitan antara etnomatematik ke dalam proses pembelajaran menunjukkan beberapa aspek yang banayak dijadikan objektif. Tidak semata-mata dalam pembabitan Etnomatematik guna memberikan kesan kepada pelajar, akan tetapi guna memberikan pengetahuan bahawa penggunaan Matematik dalam budaya memanglah sudah ada sejak tamadun terdahulu dan ialah dekat kepada komuniti (Supiyati et al., 2019). Pendekatan kontekstual boleh digunakan dalam pembabitan Etnomatematik (Hariastuti et al., 2019). Kurikulum yang digunakan mestilah didesain bersesuaian dengan aspek budaya dan Matematik (Wang et al., 2020). Sehingga perlu adanya penerokaan terhadap Etnomatematik dan kurikulum untuk memberikan kemudahan dalam pengintegrasian.

Metod Kajian

Reka Bentuk

Untuk mensintesis dapatan penyelidikan yang berkaitan dengan penyelesaian masalah Matematik perlu dijalankan dengan kajian tinjauan. Kriteria pemilihan kajian harus dinyatakan secara jelas sebelum tinjauan dilakukan dengan mengikuti prosedur dan protokol yang telah disusun. Kajian literatur bersistematik digunakan untuk mengenal pasti dan menilai kajian-kajian yang telah dianalisis oleh pengkaji lepas secara lebih dalam (Jose & Mohd Matore, 2021).

Populasi dan Sampel

Kajian yang dijalankan ialah kajian literatur bersistematik yang berfokus kepada pendidikan Matematik. Dengan mensintesis kajian berkaitan Etnomatematik. Terdapat sebanyak 1906 artikel daripada lima pangkalan data yang berbeza iaitu daripada pangkalan data Proquest terdiri daripada 295 artikel, dari pangkalan data ERIC sebanyak 50 artikel, dari pangkalan data JSTOR sebanyak 143, daripada pangkalan data EBSCO sebanyak 1005, daripada pangkalan data WOS sebanyak 195, dan terakhir sekali dari pangkalan data SCOPUS sebanyak 195.

Dalam sebuah kajian tinjauan literatur bersistematik, perlu adanya kriteria sebagai batasan data yang menjadi sampel kajian. Menurut Higgins (2019) faktor-faktor seperti penentuan ukuran sampel, standard pelaporan, menjadi penting untuk dimasukkan ke dalam kriteria yang menjadi sampel. Kriteria masukan dan keluaran dalam kajian ini adalah seperti yang terdapat dalam jadual 1.

Jadual 1. Kriteria masukan dan keluaran kajian

Kriteria	Kriteria Penerimaan	Kriteria Penolakan
Masa publikasi	2010-2020	-
Jenis data	artikel	Prosiding, buku, dan lain-lain
Bahasa	Inggeris, Indonesia, Melayu	Selain bahasa tersebut dalam kriteria masukan
Skop kajian	Berkaitan dengan pembelajaran	Bukan berkaitan dengan pembelajaran

Kajian literatur ini bermula dengan proses pencarian data. Data yang dicari ialah bertujuan untuk menjawab soalan kajian. Menurut Higgins (2019) sumber data haruslah mempunyai beberapa kriteria. Dalam pengumpulan data ada beberapa jenis data yang boleh diambil seperti artikel jurnal, abstrak konferensi, surat, dan laporan klinikal. Akan tetapi dalam kajian ini dihadkan kepada artikel jurnal, menurut Higgins (2019) dalam buku Cochrane. Pangkalan data yang banyak digunakan dan mempunyai kelebihan dalam kemudahan untuk *export* data dalam bentuk bibliografi yang nantinya menjadi data mentah data. Hal ini sangat memudahkan kerana data boleh diunduh langsung ke dalam bentuk *lembaran* Microsoft *excel* guna memudahkan dan mengurangi ralat yang mungkin terjadi. Sehingga pangkalan data yang dipilih ialah JSTOR, WOS, SCOPUS, ERIC, EBSCO, dan PROQUEST.

Daripada Data mentah data sebanyak 1006 artikel dilakukan penapisan berdasarkan kepada masukan dan keluaran kriteria yang telah ditentukan. Diantara kriteria yang telah ditentukan ialah artikel haruslah berbahasa Indonesia, Inggeris, dan atau Melayu. Ini dilakukan untuk memudahkan pengkaji dalam menganalisis artikel tersebut. Sehingga daripada kajian yang telah dipilih dan ditapis, didapati sebanyak 361 artikel yang memenuhi kriteria masukan dan keluaran. Artikel yang telah dipilih sebanyak 361 tadi disesuaikan dengan keperluan untuk menjawab soalan kajian sehingga tersisa sebanyak 150 kajian, daripada 150 kajian ini dilakukan pencarian *full-text* dan dijumpai sebanyak 55 kajian yang memiliki artikel penuh. Artikel yang telah dipilih berdasarkan kajian dibaca dan dikeluarkan lagi kerana tidak memenuhi kriteria dan yang menjadi sampel kajian sebanyak 40 artikel.


Kesahan dan Kebolehpercayaan

Dalam kajian literatur bersistematik, kesahan dan kebolehpercayaan dilakukan menilai kualiti daripada sampel kajian. Dalam kajian ini kesahan dan kebolehpercayaan membabitkan pensyarah untuk menilai konstruk yang perlu disintesis dalam kajian. Selain itu dua orang rakan dibabitkan untuk menyemak dan menilai kualiti bagi kesemua artikel. Dalam penilaian kesahan dan kebolehpercayaan rubrik daripada Mullet et al (2017) dengan kriteria; (1) tujuan, (2) tinjauan literatur, (3) kerangka konseptual, (4) Peserta kajian, (5) Metod, (6) Dapatan dan kesimpulan. Skala yang digunakan ialah 1 – 5 dengan keterangan 1 tidak memenuhi standard, 2 sedikit memenuhi standard, 3 memenuhi standard, 4 sangat memenuhi standard. Artikel yang akan diterima mestilah memiliki skor lebih daripada 14 (Margot & Kettler, 2019). Berdasarkan hal 40 artikel memenuhi kriteria dengan skor di atas 14.

Analisis

Proses analisis menegak atau “*Within-Case analysis*” kemudian diteruskan dengan analisis melintang atau dikenali dengan “*cross-case analysis*” (Onwuegbuzie & Weinbaum, 2016) kepada 40 artikel yang telah diproses mengikut PRISMA. Setelah itu Proses analisis melintang dijalankan dengan membandingkan kajian berdasarkan aspek yang telah ditentukan . Setelahnya disintesis berdasarkan aspek tersebut dan meneroka kesamaan dan perbezaan secara bersistemik (Onwuegbuzie & Weinbaum, 2016).

Rajah 1. Carta aliran pencarian dan penapisan artikel



Hasil Kajian


Daripada kajian yang dijalankan berikut hasil analisis 40 kajian empirikal yang terpilih berdasarkan kriteria penerimaan dan kriteria penolakan yang telah ditentukan pada bahagian metodologi.

Jadual 2. Kajian Empirikal yang berkaitan

Penulis	Tajuk
Muhammad et al. (2019)	<i>A case study of geometri literacy in elementary sch through Ethnomathematics at borobudur temple indone</i>
Mohamad et al. (2010)	<i>An ethnomathematical study of triaxial weave in tud saji weaving</i>
Utami 92020)	<i>An Ethnomathematics study of the days on the javar calendar for learning mathematics in elementary schoo</i>
Fendrik 92020)	<i>Analysis of riau traditional game-based Ethnomathema in developing mathematical connection skills elementary school students</i>
Fitriyah 92018)	<i>Bahan Ajar Transformasi Geometri berbasis Discov Learning Melalui Pendekatan Etnomatematika</i>
Widada (2019)	<i>Characteristics of students thinking in understana geometry in learning Ethnomathematics</i>
Nur (2020)	<i>Contextual learning with Ethnomathematics in enhanc the problem solving based on thinking levels</i>
Pinheiro & Rosa (2019)	<i>Contributions of technoracy and Ethnomathematics to promotion of financial education for deaf students</i>
Mukeriyanto et al. (2020)	<i>Cooperative learning model with Ethnomathema nuances to improve the love of local culture and abilit, problem solving</i>
Rohaeti (2020)	<i>Developing an interactive learning model using vis basic applications with ethnomathematical contents improve primary school students' mathematical reasoni</i>
Richardo (2019)	<i>Developing ethnomathematical tasks in the context yogyakarta to measure critical thinking ability</i>
Vitoria & Monawati (2020)	<i>Developing Ethnomathematics-based worksheet to te linear equations</i>
Triwahyuningtyas (2020)	<i>Developing module for two-dimensional course based Ethnomathematics for fourth grade of elementary sch student</i>
Sowanto & Mulyadin (2019)	<i>Developing of teaching materials for junior high sch students based on Ethnomathematics on traditional wo cloth (tembe nggoli) of mbojo tribe</i>
Verner et al. (2019)	<i>Development of competencies for teaching geom through an ethnomathematical approach</i>
Lena et al. (2019)	<i>Development of teaching materials of elementary sch student with a scientific approach characterized Ethnomathematics</i>
Hakim et al. (2020)	<i>Ethnomathematical study: creating math to students v gayo culture</i>
Kusumaningsih (2020)	<i>Ethnomathematics for congruence concept: a didact design in a mathematics classroom</i>
Septianawati (2017)	<i>Ethnomathematics study: uncovering units of length, a and volume in kampung naga society</i>
Sunzuma & Maharaj (2020)	<i>Exploring Zimbabwean mathematics teachers' integra of Ethnomathematics approaches into the teaching , learning of geometry</i>
Kusuma (2019)	<i>Improving external mathematical connections ,</i>


-
- Ogunkunle & George (2015) *students' activity using Ethnomathematics*
Integrating Ethnomathematics into secondary school mathematics curriculum for effective artisan creative development.
- Shahbari & Daher (2020) *Learning congruent triangles through Ethnomathematics the case of students with difficulties in mathematics.*
Supporting second grade lower secondary school students understanding of linear equation system in two variables using Ethnomathematics
- Nursyahidah et al. (2018) *Weaving culture and mathematics in the classroom: case of Bedouin Ethnomathematics*
- Amit & Qouder (2017) *Uji Kelayakan Perangkat Pembelajaran Open-Ended Berbasis Etnomatematika Ditinjau Dari Gaya Kognitif Siswa*
- Ulya & Rahayu (2018) *The thinking process of students in understanding concept of graphs during Ethnomathematics learning*
- Widada et al. (2020) *The mathematization process of students to understand concept of vectors through learning realistic mathematics and Ethnomathematics*
- Widada et al. (2020) *Bringing Ethnomathematics to elementary school teachers in Papua New Guinea: a design-based research project*
- Owens et al. (2015) *Consideration of curriculum approaches of employing Ethnomathematics in mathematics classroom*
- Peni & Baba (2019) *Ethnomathematics for elementary student: exploration learning resources at Kraton Yogyakarta*
- Mauluah & Marsigit (2019) *Ethnomathematics: design mathematics learning secondary schools by using the traditional game of Mel Riau*
- Roza et al. (2020) *Ethnomathematics: formal mathematics milestones primary education*
- Budiarto et al. (2019) *Ethnomathematics: mathematical concepts in Tulungagung*
- Susiana et al. (2020) *Handout Matematika Berbantuan Etnomatematika Berbasis Budaya Lokal*
- Aini et al. (2018) *Implementasi Etnomatematika Berbasis Budaya Lokal Dalam Pembelajaran Matematika Pada Jenjang Sekolah Dasar*
- Putra & Indriani (2017) *In-between critical mathematics education and Ethnomathematics. A philosophical reflection and empirical case of a Romany students' group mathematics education.*
- Francois & Stathopoulou (2012) *Students' ability to simplify the concept of function through realistic mathematics learning with the Ethnomathematics approach*
- Herawaty et al. (2020) *The cognitive process of students in understanding parallel axiom through Ethnomathematics learning*
- Herawaty et al. (2020) *The effect of Ethnomathematics-based SAVI (Some auditory, visualization, intellectually) approach mathematical communication skill on geometry elementary school*
- Farokhah et al. (2017)
-

Jadual 2: Kajian Mengikut Negara



Berdasarkan kepada Rajah 2, dapat disimpulkan bahawa kajian empirikal terpilih paling banyak dilaksanakan di negara Indonesia berjumlah 30 kajian (Aini et al., 2018; Budiarto et al., 2019; Farokhah et al., 2017; Fendrikfendrik et al., 2020; Fitriyah et al., 2018; Hakim et al., 2020; D. Herawaty et al., 2020; Dewi Herawaty et al., 2020; Kusuma et al., 2019; Kusumaningsih et al., 2020; Lena et al., 2019; Mauluah & Marsigit, 2019; Muhammad et al., 2019; Mukeriyanto et al., 2020; Nursyahidah et al., 2018; Pinheiro, 2020; Rohaeti et al., 2020; Roza et al., 2020; Septianawati et al., 2017; Sowanto & Mulyadin, 2019; Susiana et al., 2020; Triwahyuningtyas et al., 2020; Ulya & Rahayu, 2018; Utami et al., 2020; Vitoria & Monawati, 2020; Widada et al., 2019; Widada, Herawaty, Andriyani, et al., 2020; Widada, Herawaty, Beka, et al., 2020; Yunian Putra & Indriani, 2017). Kajian mengikut negara memang yang paling banyak di Indonesia akan tetapi jumlah negara yang ada daripada keseluruhan artikel yang dianalisis ialah sebanyak 10 negara. Kebanyakan negara menerbitkan artikel kurang daripada lima buah artikel daripada tahun 2010 sehingga 2020.


Rajah 3: Analisis dari aspek tahun terbit




Seterusnya berdasarkan tahun keluar dari 2010 sehingga 2020, tahun 2020 menjadi tahun yang paling banyak menerbitkan artikel yang berkaitan dengan Etnomatematik (Fendrikfendrik et al., 2020; Hakim et al., 2020; D. Herawaty et al., 2020; Dewi Herawaty et al., 2020; Kusumaningsih et al., 2020; Mukeriyanto et al., 2020; Pinheiro, 2020; Rohaeti et al., 2020; Roza et al., 2020; Shahbari & Daher, 2020; Sunzuma & Maharaj, 2020; Susiana et al., 2020; Triwahyuningtyas et al., 2020; Utami et al., 2020; Widada, Herawaty, Andriyani et al., 2020; Widada, Herawaty, Beka et al., 2020), tiap-tiap tahun daripada 2010-2020 terjadi peningkatan yang signifikan untuk penerbitan terkait dengan Etnomatematik. Peningkatan dari tahun 2010 kepada 2016 hanya terlihat kenaikan satu artikel sahaja. Peningkatan yang tinggi terlihat daripada tahun 2018 sebanyak 4 penerbitan artikel kepada tahun 2019

meningkat 6 artikel menjadi 10 artikel dan seterusnya pada tahun 2020 meningkat kepada 7 artikel menjadi sebanyak 17 artikel.

Rajah 4: Analisis Mengikut Kaedah Pendekatan




Rajah 5: Analisis mengikut Instrumentasi yang digunakan




Jika merujuk kepada pendekatan kaedah yang digunakan dalam kajian-kajian yang telah dijalankan, kaedah kualitatif menjadi kaedah yang paling banyak digunakan sebanyak 43% (Budiarto et al., 2019; Fendrikfendrik et al., 2020; Hakim et al., 2020; Karen François & Charoula Stathopoulou, 2012; Kusumaningsih et al., 2020; Mauluah & Marsigit, 2019; Mohamad et al., 2011; Muhammad et al., 2019; Nursyahidah et al., 2018; Pinheiro, 2020; Roza et al., 2020; Septianawati et al., 2017; Susiana et al., 2020; Ulya & Rahayu, 2018; Utami et al., 2020; Widada et al., 2019; Yunian Putra & Indriani, 2017), manakala kaedah selanjutnya yang banyak digunakan ialah penyelidikan dan pembangunan dengan 40% dari total kajian (Aini et al., 2018; Fitriyah et al., 2018; D. Herawaty et al., 2020; Dewi Herawaty et al., 2020; Lena et al., 2019; Owens et al., 2015; Peni & Baba, 2019; Richardo et al., 2019; Rohaeti et al., 2020; Sowanto & Mulyadin, 2019; Triwahyuningtyas et al., 2020; Ulya & Rahayu, 2018; Verner et al., 2019; Vitoria & Monawati, 2020; Widada, Herawaty & Andriyani et al., 2020; Widada, Herawaty, Beka et al., 2020). Sedangkan jika mengikut kepada rajah 5 untuk instrumen pengambilan data *Pre-test* dan *post-test* menjadi instrumentasi yang paling banyak digunakan sebanyak 15 kajian empirikal (Farokhah et al., 2017; Fitriyah et al., 2018; Kusuma et al., 2019; Nur et al., 2020; Ogunkunle et al., 2015; Owens et al., 2015; Peni & Baba, 2019; Richardo et al., 2019; Rohaeti et al., 2020; Sowanto & Mulyadin, 2019; Triwahyuningtyas et al., 2020; Ulya & Rahayu, 2018; Verner et al., 2019; Vitoria & Monawati, 2020; Widada et al., 2019). Kaedah campuran melibatkan 7% dan kaedah eksperimen pula 10 peratus, adapun kaedah eksperimen banyak juga digunakan untuk membantu melihat peningkatan daripada penggunaan bahan ajar yang dikembangkan. Kebanyakan kajian menggunakan kaedah pendekatan kualitatif dan

kuantitatif karena kedua metodologi ini merupakan di antara kaedah yang popular digunakan berbanding kaedah yang lain.

Rajah 6. Analisis mengikut aspek Matematik



Rajah 7. Analisis mengikut elemen Etnomatematik



Mengikut rajah 6, terlihat bahawa aspek Matematik yang banyak diukur dan diperhatikan ialah aspek pengetahuan dasar Matematik (Amit & Abu Qouder, 2017; Budiarto et al., 2019; Fendrikfendrik et al., 2020; Dewi Herawaty et al., 2020; Karen François & Charoula Stathopoulou, 2012; Kusuma et al., 2019; Mauluah & Marsigit, 2019; Mukeriyanto et al., 2020; Nursyahidah et al., 2018; Owens et al., 2015; Pinheiro, 2020; Richardo et al., 2019; Rohaeti et al., 2020; Roza et al., 2020; Septianawati et al., 2017; Sowanto & Mulyadin, 2019; Triwahyuningtyas et al., 2020; Ulya & Rahayu, 2018; Vitoria & Monawati, 2020; Yunian Putra & Indriani, 2017). Manakala aspek Matematik lainnya yang digunakan dalam kajian iaitu aspek geometri sebanyak 37% melibatkan aspek geometri pelajar tingkatan sekolah menengah tentang bagaimana penggunaan geommetri pada budaya. Selanjutnya aspek kurikulum 5%, pola bilangan dan vektor masing-masing sebanyak 3%.

Manakala jika merujuk kepada elemen dan Etnomatematik yang paling kerap diukur dan diperhatikan ialah elemen bangunan (Budiarto et al., 2019; Farokhah et al., 2017; Fitriyah et al., 2018; Kusuma et al., 2019; Kusumaningsih et al., 2020; Lena et al., 2019; Mauluah & Marsigit, 2019; Muhammad et al., 2019; Mukeriyanto et al., 2020; Richardo et al., 2019; Rohaeti et al., 2020; Septianawati et al., 2017; Shahbari & Daher, 2020; Sunzuma & Maharaj, 2020; Triwahyuningtyas et al., 2020; Verner et al., 2019; Widada et al., 2019; Widada, Herawaty, Beka et al., 2020). Elemen lainnya yang digunakan dalam kajian ialah elemen Etnomatematik secara am dikaitkan dengan pembelajaran Matematik, tidak merujuk kepada elemen yang khusus. Selanjutnya, elemen corak yang kerap digunakan, corak pada

bangunan ataupun kain dikaji dengan Matematik. Elemen selanjutnya iaitu permainan sebanyak 10%, aspek permainan pun dikaji kaitannya dengan unsur Matematik, kebanyakan kaitannya dengan mengira dan pola bilangan. Selanjutnya elemen alat atau perkakas sebanyak 10% yang digunakan pada kehidupan keseharian seperti kalendar dikaitkan dengan aspek Matematik. Selanjutnya ada unsur tanda badan yang digunakan oleh orang dengan kebutuhan khusus, dan badan atau anatomi bahagian badan manusia

Perbincangan Kajian

